

B601:  
MAHATHIR

1976

LULIM, 24 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN HARI INI PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS AKAN DIBERIKAN KEPADA SEMUA MURID SEKOLAH RENDAH YANG DAHULU DINAMAKAN JENIS KEBANGSAAN INGGERIS MULAI TAHUN HADAPAN.

KATANYA, PADA TAHUN HADAPAN KEMENTERIAN PELAJARAN MENGELUARKAN SEMUA BUKU PINJAMAN BAGI MURID-MURID DARJAH DUA DAN TIGA SAHAJA.

MANAKALA PINJAMAN KEPADA MURID-MURID DARJAH EMPAT, LIMA DAN ENAM AKAN DIBERIKAN MULAI TAHUN 1978.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SIDAM KIRI BERHARGA \$211,000, 16 BATU DARI SINI.

SEBELUM ITU DR. MAHATHIR TELAH MERASMIKAN PEMBUKAAN JAMBATAN SIDAM BERHARGA \$242,000 TIDAK BERAPA JAUH DARI SEKOLAH TERSEBUT.

DR. MAHATHIR BERKATA SEHINGGA INI HANYA MURID-MURID SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SAHAJA DIBERIKAN PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS.

PEMBERIAN PINJAMAN ITU ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGURANGKAN BEBANAN IBUBAPA DI SAMPING MENGURANGKAN HARGA BUKU SERTA MENJAMIN MUTUNYA. -- BERSAMBUNG 1733/AI

££

B602:  
MAHATHIR 2 KULIM

WALAU BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, USAHA-USAHA KERAJAAN TIDAKLAH MEMCUKUPI UNTUK MEMAJUKAN PELAJARAN MURID-MURID TANPA IBUBAPA SENDIRI MEMAINKAN PERANAN SECARA CERGAS.

APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH IBUBAPA IALAH BAGI MENENTUKAN ANAK-ANAK MEREKA MENDAPAT TEMPAT DAN MASA DI RUMAH UNTUK MENGULANG KAJI PELAJARAN MEREKA.

KATA DR. MAHATHIR IBUBAPA JUGA HENDAKLAH MENENTUKAN ANAK-ANAK MEREKA TIDAK CUAI DALAM KERJA DI RUMAH DAN TIDAK MERAYAU-RAYAU MENGHABISKAN MASA DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN YANG TIDAK DIINGINI.

SETERUSNYA DR. MAHATHIR MENYATAKAN MATLAMAT PENGAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH JANGANLAH SEMATA-SEMATA DITUJUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN MURID-MURID LULUS PEPERIKSAAN SAHAJA TETAPI HENDAKLAH MENDIDIK MEREKA SUPAYA MEMPUNYAI SIKAP YANG WARAS DAN TEGAS, BERDISIPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB SERTA MEMPUNYAI BUDI PEKERTI DAN HEMAH TINGGI. -- BERSAMBUNG 1737/AI

££

B603:  
MAHATHIR 3 KULIM

OLEH YANG DEMIKIAN KEGIATAN-KEGIATAN LUAR BILIK DARJAH JUGA PERLU DIBERI PERHATIAN SEPENUHNYA OLEH KERANA MELALUI KEGIATAN-KEGIATAN SEPERTI ITU MURID-MURID DAPAT MEMBENTUK PERKEMBANGAN ROHANIAH YANG SEHAT. 244

TERDAHULU DARI ITU PEMANGKU MENTERI BESAR KEDAH HAJI MOHD. MUSLIM BIN HAJI OTHMAN MEMBERITAHU SEBANYAK \$36 JUTA TELAH DIUNTUKKAN BAGI PEMBENAAN JALAN-JALAN LUARBANDAR DI SELURUH NEGERI KEDAH DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

PEMBENAAN JALAN-JALAN TERSEBUT BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN YANG LEBIH BERGUNA KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK LUARBANDAR MEMBAWA KELUAR HASIL-HASIL PERTANIAN MEREKA UNTUK DIPASARKAN.

MENGENAI PELAJARAN, HAJI MOHD MUSLIM BERKATA JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH TELAH MEMINTA PERUNTUKAN SEBANYAK \$42.1 JUTA BAGI MELAKSANAKAN BERBAGAI PROJEK SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KEDAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

INI TERMASUKLAH PEMBINAAN 39 SEKOLAH RENDAH DAN 76 BANGUNAN-BANGUNAN TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH.

DR. MAHATHIR TIBA DI ALOR SETAR PAGI TADI UNTUK LAWATAN SEHARI